



KEHAKIMAN DALAM ISLAM

BAB 01

HAKIM

PEGAWAI

KEHAKIMAN DALAM ISLAM

Kehakiman atau pun Al Qadha merupakan bahagian yang tidak terpisah dari ajaran Islam. Prinsip-prinsip keadilan dalam Islam menjadi landasan asas pelaksanaan syariat Islam. Sehubungan dari itu, kehakiman adalah sebuah institusi yang amat penting di dalam sesebuah Negara Islam dalam mencapai matlamat untuk menegakkan keadilan. Kehakiman dalam Islam menghendaki supaya keadilan ditegakkan tanpa mengira warna kulit, bangsa, agama, kerabat, saudara mara malahan diri sendiri.

Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat”. (Surah An Nisa’ : 58)

Di dalam ayat yang lain pula Allah memerintahkan supaya kita menegakkan keadilan supaya menjadi saksi kepadanya. Allah SWT berfirma

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنْفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ ۚ إِنَّ يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا ۖ فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىٰ أَنْ تَعْدِلُوا ۚ وَإِنْ تَلَوُا أَوْ تَعْرِضُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”. (Surah An Nisa’ : 135)

Syariat Islam adalah luas dan menyeluruh, mencangkup segala aspek kehidupan, menyusun dan mengaturnya. Ianya merupakan jalan dan cara untuk menyelesaikan seluruh permasalahan. Oleh yang demikian bidang kuasa kehakiman juga luas dan menyeluruh. Untuk melaksanakan kehendak syariat ini maka ianya memerlukan kepada wujudnya institusi kehakiman yang terkenal dengan nama “Wilayah al-Qada”. Untuk menyelesaikan perbalahan di antara pihak yang terlibat dengan hukuman- hukuman yang hak yang berdasarkan kepada hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Menubuhkan dan menegakkan institusi kahakiman Islam dan melantik Kadi-kadi (Hakim-hakim) adalah merupakan sunnah Baginda Rasulullah SAW yang wajib diikuti, tuntutan syarak yang wajib dilaksanakan dan fardu yang tidak boleh dielak atau diabaikan.

Dengan ini jelaslah kepada kita bahawa Islam telah meletakkan institusi kehakiman dan Kadi-kadi pada taraf yang tinggi, darjat yang terhormat dan kedudukan yang terpenting. Institusi kehakiman juga mempunyai bidang kuasa yang luas dan menyeluruh yang melambangkan keluasan, kesempurnaan dan kewibawaan syariat Islam. Menjadi Kadi bererti menjawat jawatan yang pernah disandang oleh Rasulullah SAW dan Khulafa’ al-Rasyidin. Rasulullah SAW juga telah melantik beberapa orang sahabat untuk menjadi Kadi seperti Saidina Ali dan Muaz bin Jabal.

Di zaman Khulafa’ Ar Rasyidin, institusi kehakiman Islam telah diteruskan seperti mana ketika zaman Rasulullah SAW. Sebagai contoh, Saidina Umar telah melantik beberapa orang sahabat dan tabi’in untuk menjadi Kadi (Hakim) di Madinah dan di wilayah-wilayah Islam yang lain. Antara Kadi-kadi yang masyhur ketika zaman Saidina Umar ialah Saidina Ali, Abu Musa Al Asy’ari, Qadi Syuraikh dan ramai lagi.

أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّ الْقَضَاءَ فَرِيضَةٌ مُحْكَمَةٌ وَ سُنَّةٌ مُتَّبَعَةٌ، فَافْهَمَ إِذْ أُدْلِيَ إِلَيْكَ وَانْفُذْ إِذَا
تَبَيَّنَ لَكَ فَإِنَّهُ لَا يَنْفَعُ تَكَلُّمٌ بِحَقٍّ لَا نَفَازَ لَهُ . أَسِ النَّاسَ فِي مَجْلِسِكَ وَ فِي وَجْهِكَ
وَقَضَائِكَ حَتَّى لَا يَطْمَعُ شَرِيفٌ فِي حَيْفِكَ وَلَا يَيْئَسَ ضَعِيفٌ مِنْ عَدْلِكَ. أَلْبَيِّنَةُ عَلَى
الْمُدَّعَى وَالْيَمِينُ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ، وَالصُّلْحُ جَائِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ إِلَّا صُلْحًا أَحَلَ حَرَامًا
أَوْ حَرَّمَ حَلَالًا، وَمَنْ ادَّعَى حَقًّا غَائِبًا أَوْ بَيِّنَةً فَاضْرِبْ لَهُ أَمَدًا يَنْتَهَى إِلَيْهِ فَإِنْ بَيَّنَّهُ
أَعْطَيْتَهُ بِحَقِّهِ وَإِنْ أَعْجَزَهُ ذَلِكَ اسْتَحْلَلْتَ عَلَيْهِ الْقَضِيَّةَ. فَإِنْ ذَلِكَ هُوَ أَبْلَغُ فِي الْغُذْرِ

وَأَجْلَى لِلْعَمَاءِ, وَلَا يَمْنَعَنَّكَ قَضَاءُ قَضَيْتَ فِيهِ الْيَوْمَ فَرَاغْتَ فِيهِ رَأْيَكَ فَهَدَيْتَ فِيهِ
لِرُشْدِكَ أَنْ تُرَاجِعَ فِيهِ الْحَقَّ, فَإِنَّ الْحَقَّ قَدِيمٌ لَا يُبْطِلُهُ شَيْءٌ وَمُرَاجَعَةُ الْحَقِّ خَيْرٌ
مِنَ التَّمَادِي فِي الْبَاطِلِ. وَالْمُسْلِمُونَ عَدُولٌ بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ إِلَّا مُجَرَّبًا عَلَيْهِ
شَهَادَةُ زُورٍ أَوْ مَجْلُودًا فِي حَدٍّ أَوْ ظَنِينًا فِي وَلَاءٍ أَوْ قَرَابَةٍ فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى تَوَلَّى مِنَ
الْعِبَادِ السَّرَائِرَ وَ سَتَرَ عَلَيْهِمُ الْحُدُودَ إِلَّا بِالْبَيِّنَاتِ وَ الْإِيمَانِ. ثُمَّ أَلْفَهُمْ فِيمَا أُدْلِيَ إِلَيْكَ
مِمَّا لَيْسَ فِي الْقُرْآنِ وَلَا سُنَّةٍ, ثُمَّ قَاسِسِ الْأُمُورَ عِنْدَ ذَلِكَ, وَاعْرِفِ الْأَمْثَالَ ثُمَّ اْعْمِدْ
فِيمَا تَرَى إِلَى أَحَبِّهَا إِلَى اللَّهِ وَ أَشْبَهِهَا بِالْحَقِّ, وَإِيَّاكَ وَالْغَضَبَ وَالْفَلَقَ وَالضَّجَرَ
وَالْتَّأَذِي بِالنَّاسِ وَالتَّنَكُّرَ عِنْدَ الْخُصُومَةِ أَوْ الْخُصُومِ فَإِنَّ الْقَضَاءَ فِي مَوَاطِنِ الْحَقِّ
مِمَّا يُوجِبُ اللَّهُ بِهِ الْأَجَرَ وَ يُحْسِنُ بِهِ الذِّكْرَ فَمَنْ خُلِصَتْ نِيَّتُهُ فِي الْحَقِّ وَلَوْ عَلَى
نَفْسِهِ كَفَاهُ اللَّهُ مَا بَيْنَهُ وَ بَيْنَ النَّاسِ وَمَنْ تَزَيَّنَ بِمَا لَيْسَ فِي النَّفْسِ شَانَهُ اللَّهُ فَإِنَّ اللَّهَ
تَعَالَى لَا يَقْبَلُ مِنَ الْعِبَادِ إِلَّا مَا كَانَ خَالِصًا. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَ رَحْمَةُ اللَّهِ.

Maksudnya:-

Selanjutnya. Sesungguhnya kehakiman itu adalah suatu kewajiban yang ditetapkan oleh Allah SWT dan Sunnah Rasulullah yang wajib diikuti. Maka fahamilah benar-benar jika ada sesuatu perkara yang dikemukakan kepadanya dengan suatu alasan dan laksanakanlah jika jelas kebenarannya, kerana tidaklah berguna pembicaraan tentang kebenaran yang tidak ada perlaksanaannya.

Persamakanlah kedudukan manusia itu dalam pandanganmu, majlismu dan keputusanmu, sehingga orang yang lemah tidak berputus asa dari keadilanmu, sebaliknya orang memiliki kedudukan tinggi tidak dapat menarikmu kepada kecurangan.

Keterangan (berupa bukti atau saksi) hendaklah dikemukakan oleh orang yang mendakwa dan sumpah hendaklah dilakukan oleh orang yang didakwa. Perdamaian dibolehkan antara orang-orang yang bersengketa dari kalangan Muslim, kecuali perdamaian yang menghalalkan sesuatu yang haram atau mengharamkan sesuatu yang halal.

Barangsiapa mengaku suatu hak dengan bukti-bukti yang belum terkumpul di tangannya, maka berikanlah dia waktu untuk mengajukan bukti selengkap-lengkapunya. Jika dia dapat mengemukakan bukti-bukti, maka berikanlah haknya. Tetapi jika dia tidak mampu membuktikannya maka selesaikanlah persoalannya. Cara memberikan waktu yang ditentukan itu adalah sebaik-baiknya (diberikan) penangguhan. Maka yang demikian itu dapat lebih menjelaskan keadaan yang samar.

Kamu diperbolehkan untuk meninjau kembali suatu keputusan yang ditetapkan sebelum ini, lalu engkau mendapat petunjuk untuk kembali kepada kebenaran. Ini kerana kebenaran itu abadi yang tidak dapat dibatalkan oleh sesuatu, dan kembali kepada kebenaran itu adalah lebih baik daripada terus-menerus dalam kesesatan.

Kaum Muslimin itu adalah orang-orang yang berlaku adil terhadap sesama mereka, kecuali orang yang pernah bersaksi palsu atau orang yang pernah dijatuhkan hukuman sebat atau mereka yang memiliki hubungan janji setia atau hubungan kerabat yang dekat. Sesungguhnya Allah SWT yang menguasai rahsia hati hamba-hambaNya dan melindungi mereka dari hukumanNya, kecuali ternyata dengan bukti-bukti yang sah atau sumpah.

Kemudian fahamilah secara bersungguh-sungguh dan mendalam terhadap persoalan yang diajukan kepadamu tentang perkara-perkara yang belum diketahui ketetapanannya yang terdapat dalam al-Qur'an atau Sunnah. Telitilah keserupaan dan kesamaannya. Kemudian qiyaskan (analogi) perkara-perkara tersebut dan cari pula contoh-contohnya. Setelah itu, berpeganglah menurut apa pandanganmu kepada hal yang terbaik di sisi Allah dan yang paling mirip dengan kebenaran.

Jauhilah perasaan marah, bosan, menyakiti hati manusia dan jauhilah berbuat curang saat persengketaan yang berada di tempat hak yang sudah pasti akan mendapat pahala dari Allah SWT. Barangsiapa yang ikhlas niatnya untuk menegakkan yang hak sekalipun terhadap dirinya sendiri, Allah SWT akan mencukupkan antara dirinya dan antara manusia. Dan barangsiapa yang berhias (menutup-nutup) diri padahal Allah tahu yang sebenarnya, maka Allah SWT akan memberikan aib kepadanya. Maka sesungguhnya Allah Taala tidak menerima amalan daripada hamba-hambanya melainkan sekiranya ia dilakukan dengan ikhlas. Wassalamualaikum Warahmatullah.

Kesimpulan

Daripada risalah ini, terdapat beberapa prinsip-prinsip asas di dalam kehakiman iaitu :-

- 1) Kewujudan dan kedudukan institusi kehakiman
- 2) Perlaksanaan perintah dan penghakiman
- 3) Matlamat kehakiman
- 4) Pembuktian
- 5) Perdamaian (Sulh)
- 6) Semakan kehakiman
- 7) Sumber hukum dan interpretasi
- 8) Kredibiliti/ penerimaan saksi
- 9) Etika hakim